Mohamad Shamsul bin Mat Nayan dan lain-lain lagi lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO K-05–8 TAHUN 2011
ABU SAMAH, LINTON ALBERT DAN ABDUL AZIZ RAHIM HHMR
26 JUN 2012

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sabitan atas kesalahan mengedar dadah berbahaya — Perayu-perayu dijatuhkan hukuman mati — Dadah dijumpai dalam kereta yang dinaiki perayu-perayu — Sama ada terdapat keterangan yang menafikan milikan perayu-perayu terhadap dadah yang dijumpai — Sama ada kes prima facie berjaya dibuktikan — Sama ada sabitan selamat — Sama ada hakim bicara terkhilaf — Sama ada hakim bicara telah mempertimbangkan kesemua keterangan — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B

Dalam rayuan ini, perayu-perayu merayu terhadap sabitan dah hukuman mati atas kesalahan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952'). Fakta kes adalah bahawa perayu-perayu telah ke sebuah gerai makan untuk bertemu dengan seorang pembeli dadah yang sebenarnya seorang anggota polis yang berperanan sebagai ejen perangkap ('SP4'). Bertemankan sumber, suatu pertemuan telah diatur. Pada malam itu, SP4, Izhan dan sumber tersebut pergi ke medan selera tersebut dan sebuah kereta Kancil ('kereta tersebut') yang dinaiki perayu-perayu sampai ke medan selera tersebut. Selepas selesai perbincangan, SP4 meminta untuk melihat dadah tersebut dan perayu-perayu membawa keluar dari kereta tersebut satu beg plastik yang mengandungi ganja. Pasti bahawa ia adalah dadah, SP4 memberi isyarat dan pasukan polis datang menyerbu dan berjaya menangkap perayu-perayu. Ketika pendakwaan, pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan isteri perayu pertama ('SP7') yang mengatakan bahawa kereta tersebut milik bapanya dan telah dipinjam oleh perayu pertama pada malam kejadian. Menurut SP7, semasa memandu balik kereta tersebut, dia tidak melihat terdapat apa-apa beg dan kandungannya dalam kereta tersebut. Dalam pembelaan mereka, perayu pertama dan kedua mengatakan bahawa mereka pergi ke gerai tersebut dan berjumpa dengan seorang lelaki Cina dan dua orang lelaki Melayu. Perayu ketiga kemudian berbincang dengan lelaki Cina tersebut. Selepas itu perayu pertama mengajak perayu ketiga balik. Apabila mereka pergi ke kereta tersebut, mereka diserbu dan orang yang menyerbu mereka menangkap dan memukul mereka. Mereka kemudian ditunjukkan dengan sebuah beg tetapi mereka tidak tahu kandungannya. Perayu ketiga pula menyatakan dia bekerja dengan satu kuari dan daripada pekerjaan tersebut dia mempunyai pasir untuk dijual. Perayu ketiga kemudian meminta perayu

kedua mencari pembeli. Perayu kedua kemudian membawa perayu ketiga ke rumah perayu pertama dan memperkenalkan perayu ketiga kepada perayu pertama. Di gerai tersebut perayu ketiga telah berjumpa dengan seorang lelaki Cina dan seorang lelaki Melayu yang ingin berbincang tentang penjualan pasir tetapi tidak ada pasir yang dapat dijual. Menurut perayu ketiga, mereka telah diserbu dan ditangkap ketika berada di kereta. Mahkamah Tinggi mendapati pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu-perayu dan mensabitkan perayu-perayu atas kesalahan seperti yang didakwa dan menjatuhkan hukuman mati. Dalam rayuan ini, isu-isu timbul adalah sama ada hakim bicara gagal membuat penilaian maksimum ke atas keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan dan menolak keterangan-keterangan pembelaan; sama ada inferens fakta yang dibuat oleh hakim bicara mengenai dadah yang ditemui dalam kereta tersebut tepat dan disokong oleh keterangan-keterangan; sama ada hakim bicara telah tersalah arah dirinya dengan menggunakan s 37(d) ADB untuk memutuskan perayu-perayu mempunyai milikan dan pengetahuan tentang dadah tersebut; sama ada terdapat keraguan tentang identiti dadah berbahaya yang dijumpai dan berlaku pemutusan rantai keterangan dalam kes pendakwaan; sama ada pendakwaan telah membuktikan milikan bersama oleh perayu-perayu; sama ada hakim bicara khilaf dalam menerima keterangan SP4 dan tidak meraguinya kerana 'sumber' tidak dipanggil untuk memberi keterangan; dan sama ada hakim bicara telah menggunakan beban pembuktian yang lebih tinggi daripada yang diperlukan oleh undang-undang ke atas perayu-perayu dalam pembelaan mereka.

Diputuskan:

(1) Keterangan daripada perayu-perayu tidak memberi penjelasan bagaimana bungkusan tersebut boleh berada dalam kereta Kancil. Penjelasan ini penting kerana keterangan menunjukkan kereta Kancil tersebut hanya dipandu oleh SP7 dan bapanya sebelum kereta tersebut dipinjam oleh perayu pertama. Selepas kereta Kancil tersebut dipinjam, perayu pertama bersama dengan perayu kedua dan ketiga telah menaikinya untuk bertemu dengan SP4. Di tempat tersebut, bungkusan telah dijumpai di dalam kereta tersebut semasa diperiksa oleh polis. Tempoh antara perayu pertama meminjam kereta tersebut dengan pemeriksaan kereta tersebut oleh polis tidak lama dan dalam tempoh tersebut, tiada keterangan menunjukkan kereta tersebut pada bila-bila masa berada di luar kawalan perayu-perayu (lihat perenggan 32).

(2) Hakim bicara telah memberi pertimbangan kepada pembelaan yang dimajukan oleh perayu-perayu. Dalam penghakimannya, hakim bicara mendapati secara umum pembelaan perayu pertama dan kedua tidak menafikan pergi ke gerai di medan selera dan berbual dengan SP4. Hakim bicara juga telah mengambil kira bahawa keterangan perayu-perayu ialah perbualan tersebut adalah mengenai penjualan pasir.

Hakim bicara juga telah membuat penilaian sepenuhnya ke atas pembelaan yang dikemukakan oleh perayu-perayu dan dibandingkan dengan keterangan yang dikemukakan dalam kes pendakwaan (lihat perenggan 37). A

(3) Asas penolakan pembelaan perayu-perayu oleh hakim bicara adalah bahawa ia adalah *afterthought*. Mahkamah bersetuju dengan dapatan Mahkamah Tinggi bahawa pembelaan-pembelaan tersebut tidak pernah dikemukakan oleh mana-mana perayu kepada mana-mana saksi pendakwaan (lihat perenggan 40). B

(4) Analisa dan inferens yang dibuat oleh hakim bicara adalah betul dan boleh disokong oleh keterangan yang ada di hadapannya. Perayu-perayu tidak mengemukakan apa-apa keterangan untuk menjelaskan bagaimana bungkusan plastik yang mengandungi dadah tersebut boleh berada dalam kereta tersebut. Penjelasan ini perlu bagi perayu-perayu untuk menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan (lihat perenggan 46). C D

(5) Tiada salahnya hakim bicara membangkitkan anggapan di bawah s 37(d) ADB kerana penyataan pembukaan kes bukanlah satu keterangan. Perayu-perayu mempunyai peluang untuk menyangkal anggapan di bawah s 37(d) ADB dan oleh itu, perayu-perayu tidak terprejudis (lihat perenggan 47). E

(6) Hakim bicara telah mengambil kira keterangan bahawa perayu-perayu telah membawa dadah berbahaya dengan menaiki kereta tersebut ke tempat pertemuan yang dijanjikan untuk bertemu dengan SP4 sebagai ejen perangkap. Isu anggapan milikan dan kawalan ke atas dadah berbahaya tersebut bukanlah satu isu baru yang ditimbulkan oleh hakim bicara. Isu tersebut sememangnya telah menjadi sebahagian daripada kes pendakwaan dan perayu-perayu mempunyai peluang untuk menafikannya dengan mengemukakan penjelasan mereka sendiri semasa dipanggil membela diri (lihat perenggan 48). F G

(7) Percanggahan yang dikatakan wujud antara keterangan PW3 dan PW4, jikalau pun ada, bukan percanggahan yang material yang boleh menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan. Oleh itu hakim bicara dalam kes ini tidak melakukan kesilapan apabila menerima keterangan PW3 dan PW4 sebagai keterangan yang boleh dipercayai (lihat perenggan 54). H

(8) 'Sumber' yang dikatakan tidak dipanggil untuk memberi keterangan bagi menyokong keterangan SP4, tidak menjejaskan kes pendakwaan. SP4 sebagai *agent provocateur* yang memperolehi maklumat daripada 'sumber' tidak perlu mendedahkan identiti sumbernya. 'Sumber' dilindungi oleh s 40 ADB, melainkan jika 'sumber' telah mengambil bahagian yang aktif dalam rundingan untuk menjual dadah tersebut (lihat perenggan 57). I

(9) Pengataan-pengataan oleh hakim bicara dalam kes ini yang didakwa oleh peguam perayu pertama sebagai menunjukkan hakim bicara telah tersalah arah dirinya tentang beban pembuktian yang dipikul oleh perayu-perayu tidaklah menjurus ke arah itu. Pengataan-pengataan tersebut tidak lebih daripada pendapat dan pandangan hakim bicara tentang pembelaan yang dikemukakan oleh perayu-perayu (lihat perenggan 69).

[Bahasa Malaysia summary

In this appeal, the appellants appealed against the conviction and sentence of death for the offence of trafficking under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). The facts of the case was that the appellants had gone to a food stall to meet with a drug purchaser who was in actual fact a police officer who were acting as an agent provocateur ('SP4'). Together with an informer, a meeting was arranged. On the night, SP4, Izhan and the informer went to the food court and a Kancil car ('the car') ferried by the appellants arrived at the food court. After the conclusion of the discussion, SP4 asked to see the drugs and the appellants took out from the car a plastic bag containing cannabis. Assured that it was drug, SP4 gave the signal and the police team ambushed and successfully apprehended the appellants. During prosecution, the prosecution had adduced evidence of the first appellant's wife ('SP7') who had stated that the car belonged to her father and was borrowed by the first appellant on the night of the incident. According to SP7, while driving back the car, she did not see any bag and its contents in the car. In their defence, the first and second appellants said that they had gone to the stall and met with a Chinese man and two Malay men. The third appellant then had a discussion with the Chinese man. Thereafter, the first appellant called the third appellant to go back. When they had gone to the car, they were ambushed and the persons who had ambushed them had arrested and beat them up. They were then showed a bag but they did not know of the contents. The third appellant testified that he was working at a quarry and from the job, he had sands for sale. The third appellant thus asked the second appellant to look for purchasers. The second appellant then brought the third appellant to the first appellant's house and introduced the third appellant to the first appellant. At the stall the third appellant had met with a Chinese man and a Malay man who wanted to discuss about the sale of the sands but there were no sands for sale. According to the third appellant, they were ambushed and arrested when they were in the car. The High Court found that the prosecution had successfully proven a prima facie case against the appellants and convicted the appellants on the offence as charged and sentenced them to death. In this appeal, the issues that arose were whether the trial judge had failed to conduct a maximum evaluation on the evidence adduced by the prosecution and in dismissing the defence evidence; whether inference of facts made by the trial judge on the drugs found in the car was accurate and supported by evidence; whether the trial judge had misdirected himself by applying s 37(d) of the DDA to conclude that the

appellants had the possession and knowledge of the drugs; whether there was doubt as to the identity of the dangerous drugs found and there was break in the chain of evidence in the prosecution's case; whether the prosecution had established joint possession by the appellants; whether the trial judge erred in admitting the evidence of SP4 and did not doubt it as the 'sumber' was not called to testify; and whether the trial judge had applied a higher burden of proof than necessitated b law on the appellants in their defence.

Held:

(1) The evidence from the appellant did not explain how the package could be in the Kancil car. This explanation was important as the evidence showed that the Kancil car had only been driven by SP7 and her father before the car was borrowed by the first appellant. After the Kancil car was borrowed, the first appellant together with the second and third appellants had boarded it to meet with SP4. At the place, the package was found in the car when it was inspected by the police. The period between the borrowing of the car by the first appellant and the inspection of the car by the police was not long and during the period, there was no evidence that showed that the car was at any time out of the custody of the appellants (see para 32).

(2) The trial judge had considered the defence adduced by the appellants. In his judgment the trial judge found, in general, the first and second appellants, in their defence, did not deny going to the stall and the food court and talking to SP4. The trial judge had also considered that the appellants' evidence was that the conversation was about the sale of sands. The trial judge had also fully evaluated the defence adduced by the appellants and compared the evidence adduced in the prosecution's case (see para 37).

(3) The ground for the rejection to the appellants' defence by the trial judge was that it was an afterthought. The court agreed with the findings of the High Court that the defences were never adduced by any of the appellants to any of the prosecution witness (see para 40).

(4) The analysis and inferences made by the trial judge was correct and supported by other evidence before him. The appellants did not adduce any evidence to explain how the plastic packages which contained the drugs could be in the car. This explanation was necessary for the appellants to create a reasonable doubt to the prosecution's case (see para 46).

(5) There was nothing wrong in the trial judge invoking presumption under s 37(d) of the DDA as the opening speech of the case was not evidence.

The appellants had the opportunity to rebut the presumption under s 37(d) of the DDA and therefore, the appellants were not prejudiced (see para 47).

(6) The trial judge had taken into consideration the evidence that the appellants had taken dangerous drugs in a car to the place of meeting that was promised to meet with SP4 as the agent provocateur. The issue of presumption of possession and custody of the dangerous drugs was not a new issue raised by the trial judge. The issue had already been a part of the prosecution's case and the appellants' had the opportunity to deny it by adducing their explanation themselves when called to enter their defence (see para 48).

(7) The contradictions allegedly existed in the evidence of PW3 and PW4, even if there was, were not material contradictions which could raise doubt to the prosecution's case. Therefore, the trial judge in this case had not erred when admitting the evidence of PW3 and PW4 as credible evidence (see para 54).

(8) 'Sumber' that was allegedly not called to testify to support the evidence of SP4, did not affect the prosecution's case. SP4 as the agent provocateur who had received information from the 'sumber' need not reveal the identity of his informer. 'Sumber' was protected by s 40 of the DDA, unless if the 'sumber' had taken active part in the discussion to sell the drugs (see para 57).

(9) The statements by the trial judge in this case, which was alleged by counsel for the first appellant goes to show that the trial judge had misdirected himself on the burden of proof on the appellants, was not pointing to that. The statements were nothing more than his view on the defence adduced by the appellants (see para 69).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 40.

Kes-kes yang dirujuk

Chua Beow Huat v PP [1970] 2 MLJ 29 (dirujuk)
Mardani bin Hussin v PP [2011] 4 MLJ 83; [2009] 6 CLJ 301, MR (dirujuk)
Mat v PP [1963] 1 MLJ 263 (dirujuk)
Mohamad bin Radhi Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 3 CLJ 2073, MA (diikut)
Pang Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 137, MA (diikut)
PP v Chong Chee Kin & Anor [1995] 2 MLJ 679, MT (dirujuk)
PP v Lee Eng Kooi [1993] 2 MLJ 322, MT (dirujuk)
PP v Sa'ari Jusoh [2007] 2 MLJ 409; [2007] 2 CLJ 197, MP (dirujuk)
Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395, MR (dirujuk)

Som Vallabhdas Liladhar v The Assistant Collector of Customs AIR 1965 SC 481 (dirujuk)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433; [1995] 3 CLJ 1, MA (dirujuk)
Wjchai Onprom v PP [2006] 5 MLJ 415; [2006] 3 CLJ 724, MR (dirujuk)
Yeap Leong Huat v Yeap Leong Soon & Anor and another application [1989] 3 MLJ 157; [1989] 1 CLJ (Rep) 177, MA (dirujuk)

Undang-undang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), 39B(1)(a), 40, 40A
Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960
Kanun Keseksaan s 34

Zamani Ibrahim (Zamani Ibrahim) bagi pihak perayu pertama.
Najib bin Zakaria (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Abdul Aziz Rahim HMR:

[1] Ini adalah rayuan ketiga-tiga tertuduh ('perayu-perayu') terhadap keputusan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya, Alor Setar Kedah yang telah mendapati perayu-perayu bersalah mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') dan dikenakan hukuman gantung sampai mati.

FAKTA RINGKAS KES

[2] Perayu-perayu di dalam kes ini telah ditangkap oleh sepasukan polis di sebuah gerai di hadapan Institut Perguruan Sultan Abdul Halim di Sungai Petani, Kedah pada 13 Jun 2007, pada jam lebih kurang 12.01 pagi kerana disyaki hendak menjual dadah jenis cannabis kepada seorang anggota polis yang menyamar sebagai pembeli dadah. Perayu-perayu kemudiannya dikenakan pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 13 Jun 2007, jam lebih kurang 12.01 pagi di tepi Jalan Kuala Ketil, di hadapan Institut Perguruan Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, di dalam Daerah Kuala Muda, di dalam Negeri Kedah Darul Aman, telah di dapati mengedar dadah berbahaya iaitu Cannabis seberat 880 gram. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[3] Perayu-perayu telah didapati bersalah atas pertuduhan tersebut dan telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati sebagaimana diperuntukkan oleh

undang-undang.

KES PENDAKWAAN

[4] Perayu-perayu telah datang ke sebuah gerai makan di hadapan Institut Perguruan Sultan Abdul Halim ('IPG'), Jalan Kuala Ketil, Sungai Petani, untuk bertemu dengan seorang pembeli dadah yang kononnya datang dari Kuala Lumpur untuk tujuan membeli dadah berbahaya jenis cannabis. Pembeli tersebut adalah seorang anggota polis, Detektif Koperal Hoo Kwee Hee ('SP4') yang berperanan sebagai 'agent provocateur' untuk menangkap perayu-perayu yang dikatakan pengedar dadah yang bergiat aktif di kawasan tersebut.

[5] Di sana SP4 dan Konstabel Izhan ('Izhan') telah diperkenalkan oleh ASP Rosli kepada sumber yang dikatakan boleh memperkenalkan SP4 kepada pengedar dadah yang dimaksudkan. Selepas bertemu sumber, sumber tersebut kemudiannya menelefon seorang bernama Keri untuk mengatur pertemuan Keri dan SP4 serta Izhan. Selepas percakapan telefon tersebut sumber memaklumkan Keri akan mencari kawannya terlebih dahulu dan akan bertemu SP4 dan Izhan di medan selera di depan IPG Sultan Abdul Halim.

[6] Pada jam 9.30 malam SP4, Izhan dan sumber tersebut pergi ke medan selera tersebut dan menunggu hingga jam 11 malam apabila sebuah kereta Kancil bernombor PDH 1943 yang dinaiki perayu-perayu sampai ke medan selera tersebut.

[7] Sumber kemudian pergi berjumpa dengan seorang bernama Keri ('perayu ketiga') dan membawa perayu ketiga dan kawan-kawannya berjumpa SP4 dan Izhan.

[8] Sumber memperkenalkan perayu ketiga kepada SP4 dan kemudiannya perayu ketiga telah perkenalkan kawannya sebagai Sham ('perayu pertama') dan Bakar ('perayu kedua'). Sumber telah perkenalkan SP4 kepada perayu-perayu sebagai 'Ah Hock', seorang dari Kuala Lumpur yang hendak beli ganja.

[9] Perbincangan kemudian berlaku di antara SP4 dan perayu-perayu tentang harga dan stok dadah berbahaya jenis cannabis tersebut. Di dalam perbincangan tersebut pada mulanya perayu ketiga mengatakan barang tidak ada untuk dibekalkan. Ini menyebabkan SP4 menyuruh sumber pergi isi minyak kereta untuk balik. Selepas sumber beredar, perbincangan diteruskan dan perayu pertama telah mengatakan mereka hanya boleh bekalkan satu biji ganja sahaja dulu kerana mereka tidak pernah berurusan dengan SP4 sebelum

ini dan harga sekilo ganja tersebut RM2,000. Harga ini dipersetujui SP4 dan meminta untuk membeli sepuluh kilo ganja tetapi perayu pertama dan perayu kedua menyuruh ambil satu kilo dulu.

[10] Selepas perbincangan tersebut SP4 meminta untuk melihat dadah berkenaan. Perayu-perayu membawa SP4 dan Izhan ke motokar Kancil. Semasa di kereta Kancil tersebut perayu kedua membuka pintu bahagian penumpang hadapan kereta tersebut dan membawa keluar dari tempat letak kaki tempat duduk penumpang tersebut satu beg plastik yang mengandungi ganja yang dibungkus di dalam satu bungkusan surat khabar. Setelah SP4 pasti barang tersebut dadah berbahaya, SP4 memberi isyarat kepada pasukan serbuan dan juga menjerit 'polis, jangan lari'. Pasukan serbuan menyerbu dan berjaya menangkap perayu-perayu.

[11] Keterangan SP4 tentang penangkapan perayu-perayu selepas rundingan jual beli dadah ini di antara beliau dan perayu-perayu disokong oleh keterangan pegawai yang mengetuai pasukan serang hendap terhadap perayu-perayu, DSP Meor Azmi bin Meor Shamsudin ('SP3'). SP3 dapat melihat perjumpaan di antara SP4 dan Izhan dengan perayu-perayu walaupun SP3 tidak dapat mendengar perbualan mereka.

[12] Semasa diserbu perayu-perayu telah cuba melarikan diri tetapi berjaya ditangkap oleh pasukan serbuan. Selepas perayu-perayu ditangkap mereka telah dibawa kepada SP3. SP3 jalankan pemeriksaan badan ke atas perayu-perayu tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah. Selepas itu SP3 telah memeriksa kereta Kancil berkenaan dan merampas satu beg plastik berwarna hijau (P6) yang di dalamnya terdapat satu bungkusan surat khabar *Metro* dan di dalam bungkusan surat khabar tersebut terdapat satu ketulan mampat daun-daun kering (P10).

[13] Barang-barang yang dirampas ini kemudiannya telah dihantar ke Jabatan Kimia Pulau Pinang oleh pegawai penyiasat, ASP Che Man bin Che Ahmad ('SP8'). Di Jabatan Kimia Pulau Pinang barang kes ini telah diterima oleh ahli kimia, Encik Teoh Chun Ping ('SP2'). SP2 kemudian menjalankan analisa ke atas daun-daun kering di dalam ketulan mampat tersebut dan mengesahkannya sebagai cannabis seberat 880g.

[14] Pihak pendakwaan juga telah mengemukakan keterangan Puan Suhaila bt Zainal ('SP7'). SP7 adalah isteri perayu pertama. SP7 mengatakan kereta Kancil PDH 1943 adalah kepunyaan bapa beliau yang telah dipinjam oleh perayu pertama pada malam kejadian. Semasa beliau memandu balik kereta tersebut dari Kuala Ketil ke rumah beliau, beliau tidak melihat terdapat apa-apa beg hijau dan kandungannya di dalam kereta tersebut. SP7 sebenarnya tidak tahu apa yang perayu pertama telah buat dengan kereta tersebut pada

malam itu.

KES PEMBELAAN

[15] Perayu pertama dan perayu kedua telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah. Tetapi perayu ketiga pula memilih untuk membuat kenyataan dari kandang tertuduh.

[16] Secara umumnya, perayu pertama, kedua dan perayu ketiga tidak menafikan mereka pergi ke gerai tersebut dan berbual dengan SP4 tetapi mereka mengatakan perbualan dan perbincangan mereka adalah tentang penjualan pasir.

[17] Kata mereka, mereka pergi ke gerai tersebut dan berjumpa dengan seorang lelaki Cina dan dua orang lelaki Melayu. Perayu ketiga kemudian berbincang dengan lelaki Cina tersebut. Selepas itu perayu pertama mengajak perayu ketiga balik. Kata perayu pertama lagi, apabila mereka pergi ke kereta Kancil tersebut dan semasa perayu pertama hendak membuka pintu kereta, mereka diserbu dan orang yang menyerbu mereka menangkap mereka dan memukul mereka. Mereka kemudian ditunjukkan dengan beg hijau, tetapi mereka tidak tahu kandungannya. Selain daripada bertemu dan bercakap dengan SP4 perayu pertama menafikan keterangan-keterangan lain yang diberikan oleh SP4.

[18] Perayu ketiga memilih untuk membela diri dengan membuat kenyataan dari kandang tertuduh (*statement from the dock*). Kenyataan perayu ketiga ialah dia bekerja dengan satu kuari dan daripada pekerjaan tersebut dia mempunyai pasir untuk dijual. Perayu ketiga kemudian meminta perayu kedua mencari pembeli. Perayu kedua kemudian membawa perayu ketiga ke rumah perayu pertama dan memperkenalkan perayu ketiga kepada perayu pertama. Semasa di rumah perayu pertama, dia (perayu ketiga) terima panggilan telefon dari kawannya yang ingin berbincang tentang penjualan pasir dengan seorang pembeli dari Kuala Lumpur. Dia kemudiannya bersama-sama dengan perayu pertama dan perayu kedua telah pergi bertemu dengan kawannya di sebuah gerai makan di hadapan Institut Perguruan Sultan Abdul Halim, Sungai Petani dengan menaiki kereta Kancil yang dipandu oleh perayu pertama. Di gerai tersebut perayu ketiga telah berjumpa kawannya dengan seorang lelaki Cina dan seorang lelaki Melayu yang ingin berbincang tentang penjualan pasir. Tetapi dalam perbincangan tersebut tidak ada pasir yang dapat dijual. Perayu pertama kemudiannya mengajak perayu ketiga dan perayu kedua balik. Kata perayu ketiga lagi ketika mereka bertiga pergi ke kereta Kancil yang dipandu oleh perayu pertama tadi, mereka telah diserbu dan ditangkap.

PENEMUAN MAHKAMAH TINGGI

[19] Selepas mendengar saksi-saksi pendakwa raya dan bukti-bukti yang dikemukakan dalam kes pendakwaan, Mahkamah Tinggi mendapati pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu-perayu. Mahkamah Tinggi juga mendapati keterangan yang dikemukakan menunjukkan perayu-perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah tersebut dan juga mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut.

[20] Mahkamah Tinggi mendapati perayu-perayu telah melakukan perbuatan yang terjumlah kepada mengedar dadah jenis cannabis seperti ditakrifkan di dalam s 2 ADB 1952. Dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa, hakim bicara berpuashati dadah jenis cannabis seberat 880g (P10) yang dijumpai di dalam beg di dalam kereta Kancil tersebut berada di dalam kawalan dan jagaan perayu-perayu. Keterangan juga menunjukkan kereta Kancil tersebut dipandu ke tempat kejadian oleh salah seorang daripada perayu. Keterangan SP7 yang mengatakan tidak terdapat beg plastik yang mengandungi dadah tersebut semasa beliau memandu balik dari Kuala Ketil telah menunjukkan kemungkinan dadah tersebut telah diletakkan di situ oleh seseorang sebelum kereta tersebut di bawah kawalan dan jagaan SP7. Keterangan selanjutnya menunjukkan kereta tersebut telah diambil oleh perayu pertama selepas kereta tersebut dipandu balik oleh isteri beliau, SP7. Oleh itu persoalan bagaimana dadah tersebut berada di dalam motokar tersebut boleh diinfer dari keterangan lain yang dikemukakan.

[21] Hakim bicara juga menerima keterangan SP4 bahawa 'sumber' memberitahu beliau perayu ketiga perlu mencari kawan-kawannya sebelum datang berjumpa dengan 'sumber', dan keterangan SP7 menimbulkan peluang kepada perayu-perayu meletakkan dadah tersebut di dalam kereta Kancil untuk dibawa ke tempat kejadian. Keterangan SP4 tentang perbualan beliau dengan perayu-perayu menimbulkan satu-satunya inferens bahawa dadah tersebut telah diletakkan samada oleh perayu-perayu atau oleh salah seorang daripada mereka.

[22] Di dalam kes ini pihak pendakwa mengguna pakai peruntukan s 34 Kanun Keseksaan. Mahkamah Tinggi mendapati perayu-perayu mempunyai pemilikan ke atas beg plastik hijau yang mengandungi dadah berbahaya tersebut dan berdasarkan peruntukan s 37(d) ADB 1952 mereka dianggap secara statutori mempunyai pemilikan dan pengetahuan ke atas dadah berbahaya tersebut.

[23] Mahkamah Tinggi merumuskan perbuatan membawa dadah tersebut ke tempat itu adalah mencukupi untuk membuktikan pengedaran seperti yang ditakrif di bawah s 2 ADB 1952, lebih-lebih lagi keterangan yang

dikemukakan di dalam kes ini menunjukkan dadah tersebut dibawa ke tempat kejadian untuk dijual kepada SP4 yang menyamar sebagai seorang pembeli dadah bernama 'Ah Hock' dari Kuala Lumpur.

[24] Hakim bicara juga telah memberi pertimbangan kepada pembelaan yang telah dikemukakan oleh perayu-perayu. Hakim bicara mendapati pembelaan perayu-perayu adalah penafian semata-mata iaitu mereka menafikan telah berbincang dengan SP4 untuk menjual dadah kepada SP4 walaupun tidak menafikan mereka berjumpa dan berbincang dengan SP4 di gerai makan tersebut.

[25] Hakim bicara mendapati keterangan perayu-perayu ini tidak boleh dipercayai dan merupakan pembelaan yang difikirkan kemudian (*an afterthought*). Pada pendapat hakim bicara apa yang ditimbulkan oleh perayu-perayu adalah pembelaan yang sengaja diada-adakan dan jika dinilai secara keseluruhan, adalah penafian terhadap keterangan pihak pendakwa bahawa mereka telah berjumpa dengan SP4 dan Izhan untuk berbincang tentang urusan jual beli dadah dan untuk tujuan tersebut mereka telah membawa dadah ke tempat tersebut. Pembelaan sebegini tidak menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes prima facie pihak pendakwa.

RAYUAN INI

[26] Dalam petisyen rayuannya perayu pertama telah menyatakan alasan-alasan rayuannya seperti berikut: Pertama, hakim bicara telah khilaf apabila memutuskan terdapatnya suatu kes prima facie dan telah gagal memberikan penilaian maksimum ke atas kes pendakwaan. Kedua, hakim bicara juga khilaf kerana tidak mengambilkira kegagalan pihak pendakwa raya memanggil Izhan yang dikatakan sebagai 'sumber' yang menghubungi perayu-perayu dengan SP4 dan kegagalan ini telah menyebabkan kes pendakwaan cacat dan tiadanya kes prima facie terhadap perayu-perayu. Ketiga, hakim bicara telah khilaf kerana menolak pembelaan perayu-perayu sebagai suatu penafian semata-mata dan sengaja diada-adakan dengan meletakkan beban bukti pembelaan yang lebih tinggi daripada yang dikehendaki oleh undang-undang ke atas perayu-perayu. Keempat, hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana telah menggunakan anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 sedangkan kes pendakwaan adalah menjurus kepada urus niaga jualan dadah; oleh itu telah berlaku ketidakadilan kerana hakim bicara telah tersalah arah (*misdirection*) dalam menilai keterangan dalam kes ini. Kelima, hakim bicara telah gagal memberi pertimbangan sewajarnya kepada keterangan-keterangan yang memberi manfaat kepada perayu-perayu.

[27] Perayu kedua hanya membangkitkan dua alasan dalam petisyen

rayuannya. Alasan pertama ialah hakim bicara telah khilaf apabila menerima keterangan SP4 dan gagal memberi pertimbangan sewajarnya dan penilaian maksimum keatas keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain dan gagal untuk mengambil kira percanggahan yang material dalam keterangan-keterangan oleh saksi-saksi pendakwaan; sebaliknya hakim bicara telah mengambil kira keterangan-keterangan yang memprejudiskan perayu-perayu. Kedua, hakim bicara telah khilaf kerana gagal memgambil kira keraguan mengenai identiti barang kes dan 'break in chain of evidence' dalam kes pendakwaan.

[28] Perayu ketiga dalam petisyen rayuannya telah membangkitkan alasan-alasan yang sama dan bertindih dengan alasan-alasan yang dibangkitkan oleh perayu pertama dan perayu kedua dalam alasan masing-masing mengenai kegagalan hakim bicara membuat penilaian maksimum keatas keterangan-keterangan pihak pendakwaan, penerimaan keterangan SP4, menolak keterangan bela diri perayu-perayu dan tidak menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan dan penggunaan anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 untuk membuktikan pemilikan dan pengetahuan perayu-perayu ke atas dadah berbahaya tersebut. Namun begitu, perayu ketiga juga membangkitkan beberapa alasan lain dalam petisyen rayuannya. Alasan-alasan itu ialah: pertama, hakim bicara telah khilaf apabila membuat inferens yang salah berkaitan dengan fakta-fakta yang dibuktikan dalam memutuskan bahawa dadah tersebut telah diletakkan di dalam kereta Kancil tersebut oleh perayu-perayu atau oleh salah seorang daripada perayu-perayu. Kedua, hakim bicara telah khilaf apabila membuat inferens bahawa daripada fakta kes memutuskan perayu-perayu telah memainkan peranan aktif dalam perbincangan dengan SP4 yang dengan itu menunjukkan niat bersama perayu-perayu untuk menjual dadah berbahaya kepada SP4.

[29] Setelah kami meneliti ketiga-tiga petisyen rayuan yang dikemukakan oleh perayu-perayu, kami berpendapat isu-isu yang perlu dipertimbangkan adalah seperti berikut: pertama, sama ada hakim bicara telah gagal membuat penilaian maksimum ke atas keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan dan menolak pembelaan yang dikemukakan oleh perayu-perayu sebagai sesuatu yang tidak boleh dipercayai apabila memutuskan pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu-perayu dan pembelaan oleh perayu-perayu telah tidak menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan. Kedua, sama ada inferens fakta (*inference of fact*) yang dibuat oleh hakim bicara mengenai dadah berbahaya yang ditemui dalam kereta Kancil yang dinaiki oleh perayu-perayu adalah tepat dan disokong oleh keterangan-keterangan yang ada di hadapannya. Ketiga, sama ada hakim bicara telah tersalah arah dirinya (*misdirection*) dengan menggunakan s 37(d) ADB 1952 untuk memutuskan perayu-perayu mempunyai milikan dan pengetahuan tentang dadah berbahaya yang dijumpai di dalam kereta Kancil

yang dinaiki oleh perayu dan kemudiannya mensabitkan perayu-perayu dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan. Keempat, sama ada terdapat keraguan tentang identiti dadah berbahaya yang dijumpai dan berlaku 'break in the chain of evidence' dalam kes pendakwaan. Kelima, sama ada pendakwaan telah membuktikan milikan bersama oleh perayu-perayu dadah berbahaya yang dijumpai itu. Keenam, sama ada hakim bicara telah khilaf kerana menerima keterangan SP4 dan tidak meraguinya kerana 'sumber' tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Ketujuh, sama ada hakim bicara telah menggunakan beban pembuktian (*standard as to burden of proof*) yang lebih tinggi daripada yang diperlukan oleh undang-undang ke atas perayu-perayu dalam pembelaan mereka.

PENDAPAT KAMI

[30] Mengenai isu pertama, peguam perayu pertama berhujah hakim bicara telah mendapati perayu-perayu mempunyai milikan ke atas dadah berbahaya tersebut kerana dadah tersebut dijumpai di dalam kereta Kancil bernombor pendaftaran PDH 1943 yang dipandu oleh perayu pertama dan dinaiki oleh perayu-perayu untuk pergi ke tempat perjumpaan dengan SP4 yang menyamar sebagai pembeli dadah. Namun, hujahnya lagi hakim bicara telah tidak mengambil kira fakta bahawa kereta itu dimiliki oleh bapa kepada SP7 iaitu isteri perayu pertama dan juga fakta bahawa tiada keterangan langsung yang menunjukkan siapa yang sebenarnya meletakkan dadah tersebut ke dalam kereta Kancil itu. Perayu-perayu juga telah berhujah bahawa wang tunjuk (*rolled money*) RM10,000 yang digunakan untuk tujuan pembelian dadah tersebut juga tidak dikemukakan sebagai ekshibit di mahkamah. Seterusnya telah dihujahkan bahawa hakim bicara juga tidak mengambil kira bahawa dalam laporan polis eksh P11 yang dibuat oleh SP3 langsung tiada menyebut tentang jual beli dadah atau wang RM10,000 tersebut.

[31] SP7 dalam keterangannya mengatakan pada tarikh kejadian dia tinggal di Kampung Pekan Lama, Merbok. Pada 12 Jun 2007, ibu saudaranya telah meninggal dunia di Kuala Ketil dan dia telah pergi menziarahinya di Kuala Ketil bersama-sama dengan anak-anaknya. Dia telah ke sana dengan menaiki kereta Kancil PDH 1943 yang dipandu oleh bapanya Zainal bin Osman yang tinggal di Taman Muslim Kuala Ketil pada ketika itu. Kata SP7 lagi bapanya telah memandu kereta Kancil PDH 1943 berseorangan dari Kuala Ketil ke Merbok untuk mengambilnya dan anak-anaknya dan membawa mereka menziarahi ibu saudaranya yang telah meninggal dunia itu. SP7 juga mengatakan, selepas menziarah, dia telah balik ke Merbok pada malam itu juga kerana anak-anaknya mahu bersekolah pada keesokan hari. Kata SP7, dia balik ke Merbok dengan memandu sendiri kereta Kancil PDH 1943 dan telah sampai ke rumahnya malam itu juga tapi dia tidak ingat jam berapa. Katanya

lagi, sampai di rumah, suaminya, perayu pertama, meminta untuk meminjam kereta Kancil tersebut dan telah meminta kunci kereta daripadanya dan SP7 kata dia telah tunjukkan kunci kereta tersebut. Seterusnya SP7 mengatakan pada tengah malam hari itu beberapa orang polis telah datang ke rumahnya dan memberitahu suaminya telah ditangkap; tetapi dia tidak tahu apa terjadi kepada kereta Kancil itu. Keterangan SP7 ini, berkaitan dengan penangkapan perayu pertama berserta dengan kereta Kancil tersebut, adalah konsisten dengan keterangan SP3 dan SP4. Tetapi yang lebih penting dalam keterangan SP7 ialah mengenai bungkusan plastik lutsinar yang mengandungi dadah ganja di mana SP7 telah mengatakan, apabila disoal tentangnya oleh timbalan pendakwa raya, dia tidak pernah melihat bungkusan plastik tersebut pada bila-bila masa (iaitu semasa dia atau bapanya memandu kereta Kancil tersebut) di dalam kereta Kancil PDH 1943 tersebut. Walaupun perkara ini telah ditimbulkan oleh pendakwaan dalam soal utama SP7, ianya tidak disoal balas oleh mana-mana perayu dan tiada apa-apa soalan yang diajukan kepada SP7 mengenainya semasa SP7 disoal balas (lihat ms 85–87 rekod rayuan).

[32] Ini adalah penemuan fakta oleh hakim bicara dan penemuan ini tidak patut digugat dengan sewenang-wenangnya. Keterangan daripada perayu-perayu sendiri tidak memberi penjelasan bagaimana bungkusan itu boleh berada dalam kereta Kancil tersebut semasa pemeriksaan dijalankan oleh polis ke atas kereta tersebut sekiranya bungkusan itu tidak diletakkan di dalam kereta Kancil tersebut oleh perayu-perayu atau salah seorang daripada mereka. Penjelasan ini pada pendapat kami adalah penting kerana keterangan menunjukkan kereta Kancil tersebut hanya dipandu oleh SP7 dan bapanya sebelum kereta tersebut dipinjam oleh perayu pertama; dan tiada dakwaan daripada perayu-perayu yang mengatakan bungkusan itu mungkin telah diletakkan dalam kereta Kancil tersebut oleh SP7 atau bapanya ataupun oleh lain-lain orang. Tambahan pula, keterangan juga menunjukkan selepas kereta Kancil tersebut dipinjam oleh perayu pertama, perayu pertama bersama dengan perayu kedua dan perayu ketiga telah menaiki kereta Kancil tersebut pada malam yang sama untuk ke tempat pertemuan dengan SP4. Di tempat tersebut bungkusan telah dijumpai di dalam kereta Kancil tersebut apabila ianya diperiksa oleh polis. Kami perhatikan tempoh di antara perayu pertama meminjam kereta Kancil tersebut dengan pemeriksaan kereta tersebut oleh polis adalah tidak lama; dan dalam tempoh tersebut tiada keterangan menunjukkan kereta tersebut pada bila-bila masa berada di luar kawalan perayu-perayu.

[33] Sehubungan dengan ini kami bersetuju dengan analisa yang dibuat oleh hakim bicara mengenai perkara ini dalam penghakimannya (di ms 149–150 rekod rayuan).

[34] Mengenai wang tunjuk atau 'rolled money' yang tidak dikemukakan

kepada mahkamah sebagai ekshibit dan yang tidak disebut dalam laporan polis eksh P11 (ms 229 rekod rayuan) yang dibuat oleh SP3, kami berpendapat ianya bukanlah sesuatu yang material yang boleh mencacatkan kes pendakwaan atau untuk menimbulkan keraguan munasabah. Kebiasaaannya dalam kes-kes yang modus operandinya menggunakan *agent provocateur*, wang tunjuk memang digunakan untuk menyakinkan penjual dadah bahawa pembeli mempunyai wang untuk membeli dadah. Kami akur bahawa dalam penghakimannya hakim bicara tidak menyentuh isu ini. Namun, beliau telah menyentuh tentang perbincangan antara SP4 (iaitu *agent provocateur*) dan perayu-perayu di mana harga sekilo ganja telah dipersetujui pada kadar RM2,000 sekilo. Dalam penghakimannya di ms 145–146 rekod rayuan, hakim bicara yang bijaksana menulis:

> [5] Perbincangan kemudian berlaku antara SP4 dan ketiga-ketiga OKT tentang harga dan stok dadah berbahaya jenis cannabis tersebut. Di dalam perbincangan tersebut pada mulanya OKT ketiga mengatakan barang tidak ada untuk dibekalkan menyebabkan SP4 menyuruh sumber pergi isi minyak kereta untuk balik. Selepas sumber beredar perbincangan diteruskan dan OKT pertama telah mengatakan mereka hanya boleh bekalkan satu biji ganja sahaja dulu kerana mereka tidak pernah berurus dengan SP4 sebelum ini dan harga sekilo ganja tersebut RM 2000.00. Harga ini dipersetujui SP4 dan meminta untuk membeli sepuluh kilo ganja tetapi OKT pertama dan kedua menyuruh ambil satu kilo dulu.

[35] Dalam keadaan sedemikian adalah tidak munasabah untuk menganggap SP4 tidak dibekalkan dengan wang tunjuk untuk ditunjukkan kepada penjual dadah sekiranya perlu. Tambahan pula keterangan oleh SP3 mengatakan semasa taklimat di bilik gerakan JSJN IPK Kedah untuk merancang operasi menangkap perayu-perayu, SP4 telah dibekalkan dengan wang tunjuk sebanyak RM10,000. Keterangan ini disokong oleh keterangan SP4 sendiri yang mengatakan dia terima wang tunjuk tersebut di bilik gerakan selepas habis taklimat daripada ASP Rosli, pegawai yang memberi taklimat. Dan dalam soa balas oleh peguam perayu pertama, SP4 mengakui dia tidak menunjukkan wang tunjuk itu kepada perayu pertama; tetapi sebaliknya apabila SP4 ditanya sama ada dia mempunyai wang atau tidak untuk membeli dadah SP4 telah menepuk poket seluarnya mengisyaratkan wang itu adalah dalam poketnya.

[36] Isu berkaitan dengan wang tunjuk ini tidak dibangkitkan oleh peguam perayu kedua dalam penghujahannya di hadapan kami. Tetapi isu telah dihujahkan oleh peguam perayu pertama dan ketiga. Peguam perayu ketiga berhujah oleh kerana ASP Rosli dan wang tunjuk RM10,000 itu tidak dikemukakan ke mahkamah, terdapat kelompangan dalam kes pendakwaan. Mengenai perkara ini juga kami telah meneliti penghujahan oleh peguam-peguam perayu-perayu di peringkat Mahkamah Tinggi yang telah dimuatkan ke dalam rekod rayuan; dan kami mendapati isu ini tidak hujahkan

bersungguh-sungguh (*not pursued vigorously*) oleh itu kami yakin kedua-dua isu ini tidaklah material kepada kes perayu-perayu. Lagipun rekod rayuan menunjukkan (ms 58, 62 dan 65 rekod rayuan) semasa SP3 disoal balas oleh peguam perayu pertama dan ketiga, tiada apa-apa yang boleh menimbulkan keraguan munasabah bahawa wang tunjuk RM10,000 tersebut sememangnya disediakan dan diberi kepada SP4 untuk tujuan operasi yang dirancang itu.

[37] Setelah meneliti rekod rayuan (ms 153–155) kami mendapati hakim bicara telah memberi pertimbangan kepada pembelaan yang dimajukan oleh perayu-perayu. Dalam penghakimannya hakim bicara mendapati (di ms 152 rekod rayuan) secara umum pembelaan perayu pertama dan kedua tidak menafikan pergi ke gerai di medan selera di hadapan Institut Perguruan Sultan Abdul Halim di Sungai Petani Kedah dan berbual dengan SP4. Hakim bicara juga telah mengambil kira bahawa keterangan perayu-perayu ialah perbualan tersebut adalah mengenai penjualan pasir. Mengikut keterangan perayu pertama, dia telah dihubungi oleh perayu kedua untuk mencari orang yang ingin membeli pasir dan kawan kepada perayu kedua. Kemudian perayu kedua bersama-sama dengan perayu ketiga telah pergi ke rumah perayu pertama dan di sana perayu ketiga telah dikenalkan kepada perayu pertama dan mereka telah berbincang mengenai urusan penjualan pasir. Ketika di rumah perayu pertama, perayu ketiga telah menerima panggilan melalui telefon bimbitnya dan menurut keterangan perayu pertama dia mendengar perayu ketiga bercakap tentang pasir. Keterangan perayu pertama seterusnya ialah selepas percakapan telefon tersebut mereka (iaitu perayu-perayu) telah menaiki kereta Kancil, yang dipinjam daripada isteri perayu pertama, untuk pergi ke gerai medan selera di hadapan Institut Perguruan Sultan Abdul Halim di Sungai Petani dan di situ mereka telah berjumpa seorang lelaki Cina dengan dua orang lelaki Melayu. Perayu ketiga berbincang dengan lelaki Cina tersebut. Dalam kenyataannya, yang diberi dari kandang tertuduh, perayu ketiga telah memberikan cerita yang sama seperti dalam keterangan yang diberikan oleh perayu pertama. Begitu juga dengan keterangan oleh perayu kedua.

[38] Kami telah meneliti keseluruhan penghakiman hakim bicara dalam kes ini dengan terperinci dan kami mendapati hakim bicara telah membuat penilaian sepenuhnya ke atas pembelaan yang dikemukakan oleh perayu-perayu dan dibandingkan dengan keterangan yang dikemukakan dalam kes pendakwaan. Setelah berbuat demikian hakim bicara telah menolak pembelaan yang dikemukakan itu. Di perenggan 22 penghakimannya (ms 154 rekod rayuan) hakim bicara yang bijaksana telah menyatakan seperti berikut:

> [22] Keterangan pembelaan ketiga-tiga OKT adalah penafian semata-mata iaitu menafikan mereka telah berbincang untuk menjual dadah kepada SP4 walaupun tidak menafikan mereka berjumpa dan berbincang dengan SP4 di gerai makan tersebut. Di dalam keterangan pembelaan mereka sebenarnya tidak ada seorang pun OKT mengesahkan orang yang mereka jumpa di gerai makan di tempat tersebut

ialah SP4, Izhan dan seorang sumber seperti di dalam keterangan SP4. Bagaimanapun mereka tidak secara langsung menafikan mereka berjumpa dengan SP4. Apa yang ketiga-tiga OKT katakan di dalam pembelaan mereka ialah mereka berbincang untuk menjual pasir.

[39] Hakim bicara telah menjelaskan di perenggan 23 penghakimannya mengapa beliau menolak pembelaan oleh perayu-perayu. Penjelasannya adalah seperti berikut:

> [23] Saya dapati keterangan mereka ini tidak boleh dipercayai dan merupakan pembelaan yang difikirkan kemudian kerana semasa memeriksa balas SP4 perkara perbincangan untuk menjual pasir ini telah ditimbulkan. Pemeriksaan balas terhadap SP4 hanya cuba menunjukkan ketiga-tiga OKT tidak ada mengatakan perkataan seperti yang dikatakan oleh SP4, antara lain, diminta mengambil satu biji dahulu dan sebagainya. Oleh itu apa yang ditimbulkan oleh ketiga-tiga OKT sekarang adalah pembelaan yang sengaja diada-adakan dan jika dinilai secara keseluruhan adalah penafian terhadap keterangan pihak pendakwa bahawa mereka telah berjumpa dengan SP4 dan Koperal Izhan untuk berbincang tentang urusan jual beli dadah dan untuk tujuan tersebut mereka telah membawa dadah ke tempat tersebut. Pembelaan sebegini tidak menimbulkan keraguan terhadap kes prima facie pihak pendakwa (*Aedy bin Osman v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 810; [2011] 1 CLJ 273 dan *Public Prosecutor v Leng Tee Huan* [1982] 1 MLJ 324.

[40] Daripada penjelasan tersebut adalah terang dan nyata asas penolakan pembelaan perayu-perayu oleh hakim bicara adalah kerana pada pendapat hakim bicara pembelaan tersebut (yakni perjumpaan dengan SP4 di gerai medan selera di hadapan Institut Perguruan Sultan Abdul Halim, Sungai Petani itu) adalah 'afterthought' dan diada-adakan sahaja. Hakim bicara yang bijaksana berpendapat demikian kerana pembelaan tersebut tidak pernah dikemukakan oleh mana-mana perayu kepada mana-mana saksi pendakwaan terutamanya SP4 semasa soal balas saksi-saksi pendakwaan oleh peguam-peguam perayu-perayu. Kami bersetuju dengan pandangan ini. Kami telah meneliti nota prosiding dalam rekod rayuan dan mendapati pembelaan ini sememangnya tidak dibangkitkan dalam soal balas ke atas saksi-saksi pendakwaan. Dalam kes *Chua Beow Huat v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 29, mahkamah telah merujuk kepada perenggan dalam penghakiman Mukharji J dalam kes *Som Vallabhdas Liladhar v The Asssistant Collector of Customs* AIR 1965 SC 481, yang berbunyi seperti berikut:

> The law is clear on the subject. Wherever the opponent has declined to avail himself of the opportunity to put his essential and material case in cross-examination, it must follow that he believed that the testimony given could not be disputed at all. It is wrong to think that this is merely a technical rule of evidence. It is a rule of essential justice. It serves to prevent surprise at trial and miscarriage of justice, because it gives notice to the other side of the actual case that is going to be made when the turn of the party on whose behalf the cross-examination is being made

> comes to give and lead evidence by producing witnesses. It has been stated on high authority of the House of Lords that this much a counsel is bound to do when cross-examining that he must put to each of his opponent's witnesses in turn, so much of his own case as concerns that particular witness or in which that witness had any share. If he asks no question with regard to this, then he must be taken to accept the plaintiff's account in its entirety. Such failure leads to miscarriage of justice, first by springing surprise upon the party when he has finished the evidence of his witnesses and when he has no further chance to meet the new case made which was never put and secondly, because such subsequent testimony has no chance of being tested and corroborated.

[41] Oleh yang demikian itu kami mendapati isu ini tiada bermerit.

[42] Isu kedua (berkaitan dengan inferens fakta (*inference of fact*) yang dibuat oleh hakim bicara mengenai dadah berbahaya yang ditemui dalam kereta kancil yang dinaiki oleh perayu-perayu), isu ketiga (sama ada bicara telah tersalah arah dirinya (*misdirection*) dengan menggunakan s 37(d) ADB 1952 untuk memutuskan perayu-perayu mempunyai milikan dan pengetahuan tentang dadah berbahaya yang dijumpai di dalam kereta Kancil yang dinaiki oleh perayu) dan isu kelima (sama ada pendakwaan telah membuktikan milikan bersama oleh perayu-perayu dadah berbahaya yang dijumpai itu) akan kami bincang bersekali dan bersama kerana isu-isu ini bertindih dan berkaitan.

[43] Inferens fakta yang dibuat oleh hakim bicara dalam penghakimannya ada tiga. Pertama, ialah tentang kehadiran dadah berbahaya di dalam kereta Kancil yang dinaiki oleh perayu-perayu. Di perenggan 12 penghakimannya (ms 149 rekod rayuan) hakim bicara telah mengatakan daripada keterangan yang ada boleh diinferkan bahawa dadah berbahaya tersebut telah diletakkan di dalam kereta Kancil tersebut oleh perayu-perayu atau salah seorang daripada mereka. Kedua, ialah tentang niat ketiga-tiga perayu untuk menjual dadah berbahaya kepada SP4. Ketiga, ialah inferens tentang pemilikan dadah berbahaya tersebut oleh ketiga-tiga perayu.

[44] Adalah undang-undang yang mantap bahawa Mahkamah Rayuan tidak mudah campur tangan dengan penemuan mahkamah perbicaraan mengenai fakta kecuali dalam keadaan di mana mahkamah perbicaraan telah tersalah arah yang asas kepada dirinya tentang fakta yang telah dikemukakan. Dalam kes *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395, Mahkamah Rayuan, melalui penghakiman Gopal Sri Ram dan Mahadev Shankar JJCA, telah mengatakan di ms 398–399:

> It is trite law that this court will not readily interfere with the findings of fact arrived at by the court of first instance to which the law entrusts the primary task of evaluation of the evidence. But we are under a duty to intervene in a case where … the trial court has so fundamentally misdirected itself, that one may safely say that

no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion.

[45] Dan di dalam kes *Yeap Leong Huat v Yeap Leong Soon & Anor and another application* [1989] 3 MLJ 157; [1989] 1 CLJ (Rep) 177, Mahkamah Agung pada ketika itu mengatakan melalui penghakiman Lee Hun Hoe CJ (Borneo) di ms 162 (MLJ); 184 (CLJ) seperti berikut:

> Each case must be decided according to its particular facts. An appellate court should not interfere with the finding of facts by the learned judge who has seen and heard the witnesses and is in a better position to assess their credibilities. On the other hand, the defendants contended that the learned judge erred primarily in drawing the wrong inferences from established facts. It is trite law that, on the question of evaluation of facts, the appellate court is in as good a position as the trial judge to evaluate those facts: *Watt v Thomas* [1947] All ER 582; *Benmax v Austin* [1955] 1 All ER 326; *Tithes Dental & Photo Supply Sdn Bhd v Expresa Lineas Maritimes Argentinas & Ors* [1977] 2 MLJ 13; *Chow Yee Wah & Anor v Choo Ah Pat* [1978] 2 MLJ 41.

[46] Bersandarkan prinsip di dalam kedua-dua kes tersebut kami telah meneliti fakta-fakta yang dibuktikan dalam kes ini dan penilaian yang dibuat oleh hakim bicara yang bijaksana ke atas fakta-fakta tersebut dalam penghakimannya. Pada pandangan kami analisa dan inferens yang dibuat oleh hakim bicara yang bijaksana itu seperti petikan daripada penghakiman yang dikemukakan di atas adalah betul dan boleh disokong oleh keterangan yang ada di hadapannya. Kami juga mendapati perayu-perayu tidak mengemukakan apa-apa keterangan untuk menjelaskan bagaimana bungkusan plastik yang mengandungi dadah berbahaya itu boleh berada dalam kereta Kancil tersebut. Pada pandangan kami juga penjelasan ini adalah perlu bagi perayu-perayu untuk menimbul keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan. Misalnya perayu pertama boleh mengatakan bahawa beg plastik yang mengandungi dadah berbahaya itu telah pun ada di dalam kereta Kancil tersebut pada masa dia meminjam kereta tersebut daripada isterinya SP7. Perayu pertama juga boleh mengatakan bahawa semasa dia mengambil perayu kedua dan ketiga dengan kereta Kancil tersebut dia nampak perayu kedua dan ketiga membawa masuk satu bungkusan plastik ke dalam kereta Kancil tersebut dan meletakkannya di bawah di tempat duduk penumpang hadapan kereta Kancil tersebut. Demikian juga dengan perayu kedua dan ketiga, mereka boleh mengatakan bahawa semasa mereka menaiki kereta Kancil tersebut apabila perayu pertama datang untuk mengambil mereka, plastik beg yang berisi dadah berbahaya itu telah pun ada di dalam kereta Kancil tersebut. Tetapi tiada keterangan atau penyataan sedemikian dikemukakan oleh perayu-perayu; sedangkan SP7 telah mengatakan dalam keterangan bahawa kereta Kancil tersebut telah dipinjam oleh suaminya perayu pertama sebaik sahaja dia (PW7) kembali daripada Kuala Ketil dengan

memandu kereta Kancil tersebut dan semasa dia memandu kereta tersebut beg plastik yang mengandungi dadah berbahaya itu tidak ada dalam kereta Kancil tersebut. Oleh kerana beg plastik yang mengandungi dadah berbahaya telah dijumpai oleh SP3 dan SP4 dalam kereta Kancil tersebut yang dipandu oleh perayu pertama dan ditumpangi oleh perayu kedua dan ketiga tanpa apa-apa penjelasan tentang kemungkinan-kemungkinan bagaimana beg tersebut boleh berada di dalam kereta Kancil tersebut dan tersembunyi di bawah tempat duduk penumpang hadapan, inferens yang munasabah yang boleh dibuat ialah beg yang mengandungi dadah tersebut telah diletakkan di situ oleh perayu-perayu ataupun salah seorang daripada mereka. Dalam keadaan yang sedemikian adalah wajar bagi hakim bicara yang bijaksana untuk membangkit anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 berkenaan dengan pemilikan dadah berbahaya tersebut oleh perayu-perayu. Seksyen 37(d) ADB 1952 berbunyi:

> 37(d) any person who is found to have had in his custody or under his control anything whatsoever containing any dangerous drug shall, until the contrary is proved, be deemed to have been in possession of such drug and shall, until the contrary is proved, be deemed to have known the nature of such drug.

[47] Sehubungan dengan ini kami berpandangan tiada salahnya hakim bicara yang bijaksana membangkitkan anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 untuk mengatakan perayu-perayu mempunyai milikan dan kawalan ke atas dadah berbahaya tersebut dan menggunakan keterangan langsung (*direct evidence*) untuk mendapati perayu-perayu mempunyai niat dan sebenarnya mengedar dadah berbahaya walaupun dalam penyataan pembukaannya pihak pendakwa raya telah memaklumkan bahawa pihaknya akan bergantung kepada anggapan di bawah s 37(da) untuk membuktikan pengedaran dadah berbahaya oleh perayu-perayu. Ini adalah kerana pertama, penyataan pembukaan kes (*opening address*) bukanlah satu keterangan. Kedua, perayu-perayu mempunyai peluang untuk menyangkal (*to rebut*) anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 dan oleh itu perayu-perayu tidaklah terprejudis. Dalam kes *Public Prosecutor v Sa'ari Jusoh* [2007] 2 MLJ 409; [2007] 2 CLJ 197 Mahkamah Persekutuan mengatakan:

> a verdict can be founded on a basis not indicated in the prosecution opening address, but it must be done in such a way so as not to place the respondent at a tactical advantage with resultant unfairness to him. The determinative factor is whether the defence has had the opportunity to meet the new basis for conviction.

[48] Dalam hal ini, hakim bicara telah mengambil kira keterangan bahawa perayu-perayu telah membawa dadah berbahaya dengan menaiki kereta Kancil tersebut ke tempat pertemuan yang dijanjikan untuk bertemu dengan SP4 agen *provocateur* yang menyamar sebagai pembeli. Jadi isu anggapan pemilikan dan kawalan ke atas dadah berbahaya tersebut bukanlah satu isu baru yang ditimbulkan oleh hakim bicara yang bijaksana. Isu tersebut sememang telah

menjadi sebahagian daripada kes pendakwaan dan perayu-perayu mempunyai peluang untuk menafikannya melalui soal balas saksi-saksi pendakwaan dan dengan mengemukakan penjelasan mereka sendiri semasa dipanggil membela diri.

[49] Kami juga berpendapat hakim bicara yang bijaksana boleh menggunakan keterangan yang menunjukkan dadah berbahaya tersebut telah dibawa oleh perayu-perayu ke tempat kejadian untuk dijual kepada SP4 yang menyamar sebagai pembeli sebagai keterangan langsung (*direct evidence*) mengenai pengedaran dadah menurut takrif s 2 ADB 1952.

[50] Dalam kes *Public Prosecutor v Sa'ari Jusoh* Abdul Aziz Mohamad FCJ telah membincangkan makna atau erti perkataan 'sell' bagi menentukan makna yang biasa bagi ungkapan 'selling' yang terdapat dalam takrif 'trafficking' di s 2 ADB 1952 dan telah mengatakan bahawa erti perkataan 'selling' yang dimaksudkan (*intended*) di dalam takrif 'trafficking' tersebut ialah 'to … deliver … goods … for money'. Oleh itu hakim yang bijaksana itu telah mengatakan 'So long as the delivery is for money — which the delivery in this case was — as opposed to delivery as gift or on some other basis, it is selling even though the money for which the goods are delivered has not passed to the seller'.

[51] Fakta dalam kes rayuan ini menunjukkan beg plastik yang mengandungi dadah berbahaya itu telah dibawa dalam kereta Kancil tersebut oleh ketiga-ketiga perayu ke tempat pertemuan dengan SP4 dan ketiga-tiga perayu telah mengambil bahagian dalam rundingan untuk menjual dadah tersebut kepada SP4 yang menyamar sebagai pembeli. Dalam perkara ini kami bersetuju dengan hujahan oleh timbalan pendakwa raya bahawa berdasarkan keterangan SP3 dan SP4 semua elemen pemilikan dan pengedaran telah dibuktikan terhadap perayu-perayu. Malahan dalam kes ini terdapat keterangan di mana harga dadah yang hendak dijual itu telah dipersetujui pada kadar RM2,000 sebiji walaupun wang dan dadah tersebut belum bertukar tangan (lihat juga kes *Wjchai Onprom v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 415; [2006] 3 CLJ 724 (MR)).

[52] Seterusnya, isu keempat dalam rayuan ini ialah sama ada terdapat keraguan dalam identiti dadah berbahaya yang dijumpai itu dan sama ada telah berlaku kelompangan dalam rantaian keterangan dalam kes pendakwaan. Isu ini dibangkitkan oleh perayu kedua dalam petisyen rayuannya. Namun begitu, setelah kami meneliti hujahan bertulis oleh peguam perayu dan mendengar penghujahan lisannya kami dapati isu ini tidak dihujahkan. Sebaliknya peguam perayu kedua lebih tertumpu kepada isu kebolehpercayaan

(kredibiliti) saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP4. Jadi kami beranggapan bahawa isu ini telah diabaikan (*abandoned*) oleh perayu kedua. Oleh itu kami mendapati isu ini tiada bermerit.

[53] Isu keenam ialah sama ada hakim bicara telah khilaf kerana menerima keterangan SP4 dan tidak meraguinya kerana 'sumber' tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Peguam perayu kedua yang bijaksana telah berhujah bahawa versi SP4 mengenai apa yang telah dilakukan oleh perayu kedua sebelum tangkapan dilakukan adalah berbeza dengan keterangan SP3. Hujahnya lagi, SP3 menyatakan perayu kedua berada di luar pintu kereta sahaja waktu serbuan dilakukan; manakala SP4 menyatakan perayu kedua telah masuk kereta dan mengeluarkan dadah tersebut. Satu lagi keterangan SP4 yang dikatakan meragukan ialah SP4 mengatakan ketika perayu-perayu sampai di tempat kejadian 'sumber' berada di situ; tetapi keterangan SP3 berbeza. SP3 mengatakan hanya lima orang berada di gerai tempat pertemuan yang dijanjikan itu, iaitu perayu-perayu dan dua anggota polis termasuk SP4. Ini bererti 'sumber' tiada disitu. Oleh itu hujah peguam perayu kedua bolehkah SP4 dipercayai dan adakah 'sumber' SP4 itu benar-benar wujud? Peguam perayu ketiga juga membangkitkan isu yang serupa. Dia mengatakan dalam hal ini terdapat perbezaan atau percanggahan antara keterangan SP4 dan keterangan SP3. Peguam perayu ketiga juga berhujah mengenai isu yang sama. Dia mengatakan kegagalan hakim bicara memberi perhatian kepada percanggahan antara keterangan PW3 dan PW4 merupakan satu 'non-direction' yang dari sudut undang-undang adalah merupakan 'misdirection' oleh hakim bicara. Kesilapan sebegini boleh menyebabkan, dalam keadaan-keadaan yang tertentu, 'miscarriage of justice'. Untuk menyokong hujahnya, peguam perayu ketiga telah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Lee Eng Kooi* [1993] 2 MLJ 322 dalam mana tertuduh telah dituduh dengan dua kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 kerana memiliki senjata api (revolver) dan peluru dalam kawasan keselamatan tanpa alasan yang munasabah. Vincent Ng JC dalam kes tersebut telah mengatakan, di ms 333–334, dalam penghakimannya seperti berikut:

> The function of the court in a criminal trial is to find whether the person arraigned before it as the accused is guilty of the offence with which he is charged. For this purpose the court scans the material on the record to find whether there is any reliable and trustworthy evidence upon the basis of which it is possible to found the conviction of the accused and to hold that he is guilty of the offence with which he is charged. If in a case the prosecution leads two sets of evidence, each one of which contradicts and strikes at the other and show it to be unreliable, the result would necessarily be that the court would be left with no reliable and trustworthy evidence upon which the conviction of the accused might be based. Inevitably, the accused would have the benefit of such a situation.

[54] Mengenai percanggahan keterangan antara saksi-saksi pendakwaan

yang didakwa oleh perayu-perayu, prinsipnya ialah mestilah dibezakan antara percanggahan yang kecil dengan percanggah yang material. Sehubungan dengan ini, hendaklah diperhatikan Vincent Ng JC dalam kes *Lee Eng Kooi* telah mendapati terdapat percanggahan yang amat sangat dan penting diantara keterangan PW3 dan PW4 dan laporan polis eksh P27 tentang eksh P4 iaitu peluru yang dijumpai. Percanggahan ini menjejaskan isu pemilikan yang menjadi isu teras dalam kes tersebut.

[55] Kami telah meneliti rekod rayuan dan khususnya penghakiman bertulis hakim bicara yang bijaksana dalam kes rayuan di hadapan kami ini, dan kami mendapati percanggahan yang dikatakan wujud di antara keterangan PW3 dan PW4, jikalau pun ada, bukan percanggahan yang material seperti yang terdapat dalam *Lee Eng Kooi* yang boleh menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan. Oleh itu kami berpendapat hakim bicara dalam kes ini tidak melakukan kesilapan apabila menerima keterangan PW3 dan PW4 sebagai keterangan yang boleh dipercayai.

[56] Tambahan pula, kami berpendapat hakim bicara yang bijaksana boleh menerima keterangan PW4 sebagai saksi yang boleh dipercayai di bawah s 40A ADB 1952 walaupun PW4 adalah seorang 'agent provocateur' dalam kes ini.

[57] Mengenai hujah perayu-perayu bahawa 'sumber' tidak dipanggil untuk memberi keterangan bagi menyokong keterangan SP4, kami berpendapat ini tidak menjejaskan kes pendakwaan. Pada pandangan kami SP4 sebagai 'agent provocateur' yang memperolehi maklumat daripada 'sumber' tidak perlu mendedahkan identiti sumbernya. 'Sumber' adalah dilindungi oleh s 40A ADB 1952, melainkan jika 'sumber' telah mengambil bahagian yang aktif dalam rundingan untuk menjual dadah tersebut atau apa yang disifatkan oleh Kang Hwee Ghee JC sebagai 'particeps criminis' dalam kes *Public Prosecutor v Chong Chee Kin & Anor* [1995] 2 MLJ 679 — iaitu di mana 'sumber' telah memainkan peranannya melebihi daripada 'agent provocateur'. Malah dalam kes tersebut hakim yang bijaksana telah mendapati bahawa 'sumber' adalah seorang 'particeps criminis' dan 'agent provocateur' yang tidak boleh diberi perlindungan di bawah s 40A ADB 1952.

[58] Isu ini juga telah dibincangkan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433; [1995] 3 CLJ 1 di mana fakta-fakta dalam kes itu yang membawa kepada tertangkapnya perayu menunjukkan bahawa polis telah menggunakan *informer* yang telah memujuk-lari (*enticed*) perayu sehingga memasuki perangkap yang telah disediakan oleh polis. Dalam kes itu mahkamah mengatakan undang-undang adalah jelas bahawa pendakwaan mempunyai budi bicara penuh mengenai pilihan saksi-saksi untuk dipanggil di perbicaraaan; tetapi pendakwaan juga berkewajipan untuk memanggil kesemua saksi yang perlu untuk

membuktikan kes terhadap tertuduh tanpa keraguan yang munasabah, dan jika, dalam melaksanakan budi bicaranya itu ia gagal berbuat demikian, yang merupakan tanggungjawab statutori, tertuduh haruslah dibebaskan. A

[59] Dalam kes itu juga Mahkamah Agung telah membuat penemuan bahawa *informer* dalam kes itu telah berperanan bukan sahaja sebagai *informer* tetapi juga sebagai 'agent provocateur' dan merupakan alat penting yang aktif, yang tanpa campur tangannya perayu dalam kes itu mungkin tidak tertangkap. Oleh itu mahkamah memutuskan dalam kes tersebut, identiti *informer* itu tidak lagi menjadi rahsia dan dia tidak boleh mendapat perlindungan di bawah s 40A ADB 1952; dan dengan demikian itu pendakwaan berkewajipan untuk memanggilnya memberi keterangan atau sekurang-kurangnya menawarkannya untuk disoal balas oleh pihak pembelaan. B C

[60] Walau bagaimanapun dalam kes di hadapan kami ini tiada keterangan yang menunjukkan 'sumber' telah memainkan peranan yang aktif sehingga tertangkapnya perayu-perayu. Menurut keterangan PW4, beliau diperkenalkan kepada 'sumber' oleh ASP Rosli. Selepas itu 'sumber' telah menghubungi perayu ketiga, yang dikenalinya sebagai 'Ken', melalui talipon 'sumber'. Selepas itu 'sumber' memberitahu SP4 bahawa Keri minta mereka tunggu di gerai di hadapan Maktab Perguruan Sultan Abdul Hamid. Apabila perayu-perayu sampai di tempat yang dijanjikan, 'sumber' telah memperkenalkan SP4 kepada Keri sebagai Ah Hock yang mahu membeli dadah. Semasa rundingan diadakan dengan perayu-perayu mengenai urusan pembelian dadah, SP4 mengatakan 'sumber' tiada bersama dan tidak mengambil bahagian kerana SP4 telah menyuruh 'sumber' mengisi minyak kereta. Keterangan SP4 ini telah diterima oleh mahkamah. Oleh yang demikian itu kami mendapati isu ini tidak bermerit. D E F

[61] Isu ketujuh dan terakhir dalam rayuan ini ialah sama ada hakim bicara telah menggunakan standard beban pembuktian (*standard as to burden of proof*) yang lebih tinggi daripada yang diperlukan oleh undang-undang ke atas perayu-perayu dalam pembelaan mereka. Isu ini telah dibangkitkan terutamanya oleh peguam perayu pertama. Dalam hujah bertulisnya peguam yang bijaksana telah merujuk kepada beberapa ayat pernyataan (*expressions*) dalam penghakiman bertulis hakim bicara di ms 154–155 rekod rayuan untuk menunjukkan hakim bicara telah menggunakan standard beban bukti yang tinggi ke atas perayu-perayu. Ayat-ayat pernyataan tersebut dinyatakan di bawah ini untuk memudahkan rujukan: G H I

> … keterangan pembelaan ketiga-tiga OKT adalah penafian semata-semata …
>
> … saya dapati keterangan mereka tidak boleh dipercayai dan merupakan pembelaan yang difikirkan kemudian …

A … Oleh itu apa yang ditimbulkan oleh ketiga-tiga OKT sekarang adalah pembelaan yang sengaja diada-adakan …

[62] Seterusnya, peguam perayu pertama telah berhujah bahawa hakim bicara telah gagal menggunapakai prinsip-prinsip yang disebutkan dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263 di mana Suffian J (pada masa itu) telah mengatakan bahawa sekalipun mahkamah tidak mempercayai cerita atau pembelaan tertuduh, mahkamah hendaklah menimbangkan samada cerita atau pembelaan tersebut telah menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan. Kegagalan ini, katanya lagi, telah menyebabkan hakim bicara tersalah arah dirinya mengenai beban pembuktian yang dikenakan ke atas perayu-perayu.

[63] Dalam kes *Mardani bin Hussin v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 83; [2009] 6 CLJ 301 Mahkamah Rayuan telah membincangkan isu ini. Dalam penghakimannya Abdul Malik Ishak JCA telah merujuk kepada penghakiman Mohamed Azmi SCJ dalam *Mohamad bin Radhi Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 3 CLJ 2073 yang mengatakan seperti berikut:

> It is well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocence until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case.

[64] Dalam kes tersebut mahkamah telah merujuk kepada satu perenggan dalam penghakiman hakim bicara yang dikatakan oleh peguam perayu dalam kes itu sebagai meletakkan beban bukti yang salah ke atas tertuduh. Perenggan tersebut berbunyi:

> As such this court had found that the accused had failed, on balance of probabilities, to rebut the presumption of trafficking now applicable against him. His explanation could not be accepted as having successfully discharged the evidential burden now required of him, to raise reasonable doubt on the prosecution's case.

[65] Dalam kes *Pang Chee Meng v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 137, Mahkamah Agung (ketika itu) telah berhadapan dengan isu yang serupa. Dalam kes tersebut Mahkamah Agung telah diminta untuk memberikan pendapat sama ada hakim bicara, dalam penghakimannya, telah tersalah arah diri tentang beban pembuktian oleh tertuduh apabila beliau mengatakan dalam penghakiman bertulisnya 'once the defence is called the accused must testify and support his contention with evidence both from witnesses or otherwise that he is not guilty of the charge'.

[66] Mengenai pengataan tersebut, Mahkamah Agung melalui penghakiman Abdul Hamid Omar LP telah memberi pandangan seperti berikut (di ms 142):

> This sentence interpreted narrowly would mean that the trial judge expected a higher standard of proof from the defence than of creating a reasonable doubt. Whether the accused testifies or adopts other means is a matter of choice for him and his counsel. No adverse inferences can be drawn or seen to be drawn only because he exercised his liberty to choose any particular course.

[67] Setelah berkata demikian, Mahkamah Agung telah melihat kepada keterangan dalam kes tersebut dan menyatakan seperti berikut:

> Having closely perused the evidence ourselves, we find it difficult to believe that the judicial commissioner's expression is merely a matter of style and language and not of substance. The learned judicial commissioner was manifestly wrong to find as a fact that the accused had exclusive possession when all the while his stand, when he made the cautioned statement, had been that there were three others sharing the accommodation. There is some degree of corroboration in the prosecution to this contention. If some of these claimed witnesses cannot be traced, it was a combination of unhappy circumstances in this case. The accused cannot be penalized for lack of ingenuity in police investigations depriving him of the time honoured benefit of doubt.

[68] Jelaslah daripada pengataan atau pernyataan di atas, apabila mahkamah berhadapan dengan pengataan-pengataan (*expressions*) yang serupa dalam penghakiman hakim bicara sesuatu kes jenayah, mahkamah tidak seharusnya menerima pengataaan-pengataan tersebut begitu sahaja dan mengatakan bahawa hakim bicara telah tersalah arah dirinya ataupun menggunakan pendekatan yang salah dalam kes itu. Sebaliknya mahkamah hendaklah menilai pengataan-pengataan tersebut dari sudut fakta dan keadaan sesuatu kes itu.

[69] Mengambil ingatan akan prinsip yang disebut dalam kes *Pang Chee Meng* dan *Mohamad Radhi Yaakob*, kami dapati tiada pengataan yang serupa yang dibuat oleh hakim bicara di dalam kes yang dirayu di hadapan kami sekarang. Pengataan-pengataan oleh hakim bicara dalam kes ini yang disebut di atas dan yang didakwa oleh peguam perayu pertama sebagai menunjukkan hakim bicara telah tersalah arah dirinya tentang beban pembuktian yang dipikul oleh perayu-perayu, pada pandangan kami, tidaklah menjurus ke arah itu. Sebaliknya kami berpandangan pengataan-pengataan itu tidak lebih daripada pendapat dan pandangan hakim bicara tentang pembelaan yang dikemukakan oleh perayu-perayu setelah beliau memberi pertimbangan yang teliti dan wajar kepada pembelaan yang dikemukakan itu. Perlulah diingat, dalam kes ini hakim bicara telah membuat penemuan bahawa pembelaan yang

dikemukakan oleh perayu-perayu ialah pertemuan dengan SP4 adalah untuk perbincangan penjualan dan pembelian pasir. Tetapi hakikatnya, pertemuan tersebut telah dirancang oleh ASP Rosli dan diketuai oleh SP3 untuk menangkap pengedar dadah hasil daripada maklumat yang diterima melalui 'sumber'. Oleh itu pada pendapat kami hakim bicara tidak tersalah-arah dirinya, setelah menimbangkan pembelaan yang dikemukakan, apabila beliau mengatakan keterangan perayu-perayu tidak boleh dipercayai dan pembelaan yang dibuat adalah 'afterthought' dan diada-adakan sahaja. Tetapi yang lebih penting diperhatikan ialah dalam penghakiman bertulisnya hakim bicara telah membuat penemuan bahawa pembelaan perayu-perayu tidak menimbulkan keraguan terhadap kes prima facie pihak pendakwa. Di perenggan 23 penghakimannya hakim bicara yang bijaksana telah mengatakan seperti berikut:

> [23] Saya dapati keterangan mereka ini tidak boleh dipercayai dan merupakan pembelaan yang difikirkan kemudian kerana semasa memeriksa balas SP4 perkara perbincangan untuk menjual pasir ini telah ditimbulkan. Pemeriksaan balas terhadap SP4 hanya cuba menunjukkan ketiga-tiga OKT tidak ada mengatakan perkataan seperti yang dikatakan oleh SP4 antara lain diminta mengambil satu biji dahulu dan sebagainya. Oleh itu apa yang ditimbulkan oleh ketiga-tiga OKT sekarang adalah pembelaan yang sengaja diada-adakan dan jika dinilai secara keseluruhan adalah penafian terhadap keterangan pihak pendakwa bahawa mereka telah berjumpa dengan SP4 dan Koperal Izahan untuk berbincang tentang urusan jual beli dadah dan untuk tujuan tersebut mereka telah membawa dadah ke tempat tersebut. Pembelaan sebegini tidak menimbulkan keraguan terhadap kes prima facie pihak pendakwa.

[70] Oleh yang demikian, pada pendapat kami isu yang dibangkitkan oleh peguam perayu pertama tentang beban pembuktian ini adalah tidak bermerit.

[71] Dengan hujah-hujah di atas, kami sebulat suara menolak ketiga-ketiga rayuan ini dan mengekalkan sabitan dan perintah hukuman yang buat oleh hakim bicara di Mahkamah Tinggi ke atas ketiga-tiga perayu.

Perintah selanjutnya.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor